

RITALIN[®] TABLET

Methylphenidate Hydrochloride (10mg)

RITALIN[®] LA CAPSULE

Methylphenidate Hydrochloride (20 mg, 30 mg)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ritalin
2. Bagaimana Ritalin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Ritalin
4. Cara menggunakan Ritalin
5. Semasa menggunakan Ritalin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ritalin
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Ritalin

Ritalin digunakan untuk rawatan Kecelaruhan Hiperaktif Kurang Daya Tumpuan (ADHD). Kira-kira 3% daripada kanak-kanak mengalami gangguan ini, yang menyebabkan mereka tidak boleh duduk diam dan / atau menumpukan perhatian kepada tugas untuk sebarang masa. Kanak-kanak dengan gangguan ini mungkin sukar untuk belajar dan membuat kerja sekolah. Mereka kerap menjadi sukar untuk diuruskan dengan baik di sekolah mahupun di rumah. Orang dewasa dengan ADHD selalunya mendapati sukar untuk memberi tumpuan.

Ritalin adalah sebahagian daripada program rawatan ADHD yang biasanya juga akan melibatkan terapi psikologi, pendidikan dan sosial.

Ritalin juga digunakan untuk rawatan narkolepsi (pil Ritalin sahaja) untuk orang dewasa.

Narkolepsi adalah gangguan tidur mendadak. Orang yang mempunyai narkolepsi mengalami rasa mengantuk yang tidak dapat ditahan berulang kali pada siang hari walaupun dapat tidur secukupnya pada waktu malam. Kapsul Ritalin LA tidak digunakan untuk merawat narkolepsi.

Bagaimana Ritalin berfungsi

ADHD

Ritalin berfungsi dengan meningkatkan aktiviti bahagian otak tertentu yang kurang aktif. Ritalin meningkatkan perhatian dan daya penumpuan, dan mengurangkan tingkah laku impulsif.

Narkolepsi

Ritalin menghilangkan rasa mengantuk secara berlebihan pada siang hari di kalangan individu yang mempunyai narkolepsi.

Sebelum menggunakan Ritalin

Hanya doktor yang akan memberi preskripsi Ritalin.

Ikut semua arahan doktor dengan teliti, walaupun jika ia berlainan daripada maklumat am yang terkandung dalam risalah ini.

- Bila tidak boleh menggunakan Ritalin

- alah (hipersensitif) kepada methylphenidate atau sebarang bahan lain dalam Ritalin yang disenaraikan di hujung risalah ini. Jika anda fikir anda mungkin alah, minta nasihat daripada doktor anda.
- mengalami keresahan, ketegangan atau agitasi.
- mempunyai masalah tiroid.
- pernah mengalami masalah jantung – seperti serangan jantung, degupan jantung tidak tetap, sakit dada, kegagalan jantung, penyakit jantung atau dilahirkan dengan masalah jantung.
- mengalami tekanan darah sangat tinggi atau penyempitan saluran darah (menyebabkan lengan dan kaki sakit).
- mengambil ubat dinamakan ‘monoamine oxidase inhibitor’ (MAOI) yang digunakan untuk kemurungan, atau telah mengambil MAOI dalam 2 minggu lepas. (sila lihat seksyen “Jika mengambil ubat-ubat lain”)
- mengalami tekanan mata meningkat.
- mempunyai tumor kelenjar adrenal dinamakan *pheochromocytoma*.
- pertuturan dan pergerakan badan tidak terkawal (sindrom *Tourette*) atau jika ada ahli keluarga menghidap sindrom *Tourette*.

Jika anda fikir anda mengalami mana-mana keadaan tersebut di atas, beritahu doktor tanpa mengambil Ritalin.

Kehamilan dan menyusukan anak

Kehamilan

Jika anda mengandung, atau anda fikir anda mungkin mengandung, beritahu doktor anda. Ritalin tidak boleh digunakan

semasa mengandung melainkan doktor anda memberi preskripsi ubat ini khususnya kepada anda.

Menyusukan anak

Jika anda sedang menyusukan anak, beritahu doktor anda. Jangan menyusukan anak semasa anda dirawat dengan Ritalin. Bahan aktif dalam Ritalin boleh meresap masuk ke dalam susu ibu.

- Sebelum menggunakan Ritalin

Perkara yang perlu diberi perhatian dengan Ritalin jika anda:

- mempunyai sejarah salah guna dadah atau alkohol.
- pernah mengalami sawan.
- mempunyai darah tinggi.
- mempunyai sebarang kecacatan pada jantung.
- sedang atau pernah mengalami gangguan saluran darah dalam otak, seperti kelemahan dinding saluran darah (aneurisme), strok, keradangan saluran darah.
- mengalami gangguan mental akut yang menyebabkan pemikiran dan persepsi tidak normal (psikosis) atau perasaan teruja yang luar biasa, terlebih aktif dan meluahkan perasaan atau pendapat tidak terkawal (mania akut) – doktor akan memaklumkan anda jika anda mengalami keadaan ini.
- mengalami gejala psikotik seperti khayalan.
- berkelakuan agresif.
- mempunyai tingkah laku dan keinginan untuk membunuh diri.
- mengalami tik motor atau jika ada anggota keluarga mengalami tik. Tanda tik adalah sukar untuk dikawal, sentakan mana-mana bahagian badan berulang kali atau mengeluarkan bunyi atau menuturkan perkataan berulang kali.
- mempunyai atau mengalami masalah mata, termasuk peningkatan tekanan pada mata anda, glaukoma, atau masalah dengan penglihatan dekat anda (rabun dekat).

Jika anda mengalami mana-mana keadaan ini, beritahu doktor anda. Doktor akan memutuskan sama ada

anda boleh memulakan atau meneruskan pengambilan Ritalin.

Sesetengah kanak-kanak yang mengambil Ritalin untuk jangka panjang mungkin mengalami tumbesaran lebih perlahan daripada biasa.

Penyalahgunaan Ritalin yang berpanjangan akan membawa masalah toleransi dan pergantungan psikologi.

Mengambil Ritalin dengan makanan dan minuman

Jangan minum alkohol semasa mengambil Ritalin. Alkohol boleh memburukkan lagi kesan sampingan Ritalin. Ingatlah bahawa sesetengah makanan dan ubat mengandungi alkohol.

Semasa mengambil Ritalin, berhati-hati apabila mengambil bahan perangsang termasuk ubat-ubatan, makanan atau minuman yang mengandungi kafein (contohnya minuman tenaga). Pengambilan bahan-bahan perangsang bersama Ritalin boleh meningkatkan kesan sampingan seperti degupan jantung yang cepat atau tidak tetap dan tekanan darah tinggi.

Kanak-kanak dan remaja

Ritalin tidak disyorkan untuk kanak-kanak bawah usia 6 tahun.

Ujian dadah

Ritalin boleh memberi keputusan positif palsu apabila menjalani ujian penggunaan dadah. Ini termasuk ujian yang digunakan dalam bidang sukan.

- Jika mengambil ubat-ubatan lain

Jangan ambil Ritalin jika anda mengambil:

- ubat yang dinamakan 'monoamine oxidase inhibitor' (MAOI, yang digunakan untuk merawat kemurungan) atau telah mengambil MAOI dalam masa 2 minggu yang lepas. Pengambilan MAOI dengan Ritalin boleh menyebabkan kenaikan tekanan darah anda secara tiba-tiba (sila lihat seksyen "Bila tidak boleh menggunakan Ritalin").

Adalah penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil mana-mana ubat berikut, kerana anda mungkin perlu menukar dos atau dalam sesetengah kes, menghentikan satu daripada ubat anda:

- ubat yang menaikkan tekanan darah.

- tricyclic antidepressants (digunakan untuk merawat kemurungan).
- alpha 2 agonists seperti clonidine (digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi)
- antikoagulan oral (digunakan untuk mencegah darah beku).
- sesetengah ubat antikonvulsi seperti phenobarbital, phenytoin dan primidone (digunakan untuk merawat sawan).
- phenylbutazone (digunakan untuk merawat kesakitan atau demam).
- ubat yang mempengaruhi tahap dopamine dalam badan (ubat dopaminergik, antagonis dopamin seperti haloperidol, yang digunakan untuk merawat penyakit Parkinson atau psikosis).
- ubat-ubatan yang meningkatkan tahap serotonin dalam badan (ubat serotonergik, contohnya yang digunakan untuk merawat kemurungan).

Perkara yang perlu diberi perhatian dengan Ritalin jika anda:

- mengalami gabungan simptom berikut: kegelisahan, geletar, pengecutan otot tiba-tiba, suhu tinggi yang tidak normal dan mual dan muntah apabila mengambil methylphenidate dan ubat-ubatan yang meningkatkan tahap serotonin. Berhenti rawatan dengan methylphenidate dan ubat-ubatan yang meningkatkan tahap serotonin dalam badan dan beritahu doktor anda dengan serta-merta.

Jika anda mengalami mana-mana keadaan ini, beritahu doktor anda. Doktor akan memutuskan sama ada anda boleh sambung mengambil Ritalin.

Cara menggunakan Ritalin

Doktor akan memutuskan dos paling sesuai dengan keperluan perubatan dan tindak balas anda. Ikut arahan doktor dengan teliti. Jangan ambil melebihi dos yang disyorkan.

Hanya rumusan Ritalin LA boleh digunakan untuk merawat orang dewasa yang mempunyai ADHD.

- Berapa banyak harus digunakan

Jangan tukar dos tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jika anda rasa kesan Ritalin adalah terlalu kuat atau terlalu lemah, beritahu doktor anda.

Kanak-kanak (6 tahun ke atas)

Doktor akan memberitahu anda berapa banyak pil atau kapsul untuk diberikan kepada anak anda. Doktor biasanya akan memulakan rawatan dengan dos rendah dan menaikkan dos secara beransur-ansur apabila perlu. Dos harian paling tinggi yang disyorkan adalah 60 mg.

Orang dewasa

Doktor anda akan memberitahu anda secara tepat berapa banyak pil atau kapsul untuk diambil. Dos harian biasa adalah 20 hingga 30 mg tetapi sesetengah individu mungkin memerlukan lebih atau kurang daripada ini.

Dos harian paling tinggi yang disyorkan adalah 60 mg untuk rawatan narkolepsi dan 80 mg untuk rawatan ADHD.

- Bila Ritalin perlu digunakan

- Pil atau Kapsul Ritalin boleh diambil dengan atau tanpa makanan.
- **Pil Ritalin 10 mg:** Ambil Ritalin sekali atau dua kali sehari (seperti pada waktu sarapan atau/dan makan tengah hari). Telan pil dengan air.
- **Kapsul Ritalin LA:** Ambil Ritalin LA sekali sehari pada waktu pagi. Telan seluruh kapsul dengan air. Jangan hancurkan, kunyah atau bahagikan kapsul atau kandungannya. Jika anda tidak boleh menelan kapsul Ritalin LA, anda boleh tabur kandungannya ke atas sedikit makanan, sebagaimana berikut:
 - Buka kapsul dengan hati-hati dan tabur manik-manik halus ke atas sedikit makanan lembut (seperti sos epal).
 - Jangan tabur di atas makanan suam kerana kehangatan boleh menjejaskan ciri-ciri khas manik.
 - Segera makan semua campuran ubat/makanan.
 - Jangan simpan sebarang campuran ubat/makanan untuk digunakan kemudian.

Satu kapsul Ritalin LA memberi pelepasan pertama bahan aktif dengan serta-merta dan pelepasan kedua kira-kira 4 jam kemudian. Inilah sebabnya Ritalin LA boleh diambil pada waktu pagi di rumah tanpa perlu mengambil satu lagi dos pada tengah hari.

Kapsul Ritalin LA yang diambil sekali sehari adalah setanding dengan pil Ritalin yang diambil dua kali sehari. Doktor akan

menasihati anda tentang cara untuk mengambil kapsul Ritalin LA, terutamanya jika sebelum ini anda mengambil pil Ritalin.

Di kalangan sesetengah individu, Ritalin boleh menyebabkan kesukaran tidur. Untuk mengelakkan anda sukar tidur, dos terakhir Ritalin hendaklah diambil sebelum 6 petang melainkan doktor mengesyorkan sebaliknya.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Jangan gunakan lebih daripada yang diarahkan, jangan gunakan dengan lebih kerap, dan jangan gunakan untuk tempoh lebih lama daripada yang diarahkan oleh doktor. Jika digunakan secara tidak sewajarnya, ubat ini boleh menyebabkan ketagihan. Tempoh rawatan untuk ADHD berbeza antara individu. Ia boleh dihentikan semasa atau selepas akil baligh.

Doktor mungkin menghentikan Ritalin dari masa ke masa untuk melihat sama ada ia masih diperlukan.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk mengambil satu dos Ritalin, anda hendaklah mengambilnya dengan secepat mungkin. Kemudian pastikan anda menunggu selang masa seperti biasa sebelum anda mengambil dos seterusnya. Jangan ambil dua dos Ritalin untuk menggantikan dos yang terlupa. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ini, dapatkan penjelasan daripada doktor.

- Jika mengambil Ritalin berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil terlalu banyak pil atau kapsul Ritalin secara tidak sengaja, segera pergi berjumpa doktor atau pergi ke unit kecemasan hospital yang berhampiran. Beritahu doktor waktu anda mengambil pil atau kapsul. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan. Gejala terlebih dos adalah muntah, agitasi, sakit kepala, menggeletar, sentakan otot, denyutan jantung tidak tetap, kulit menjadi merah, demam, berpeluh, anak mata membesar, kekeliruan, dan sawan; kejang otot, air kencing berwarna merah-coklat yang boleh menjadi tanda-tanda kerosakan otot tidak normal (rhabdomyolysis).

Semasa mengambil Ritalin

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda betul-betul seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil Ritalin.

Segera beritahu doktor anda jika anda mengandung semasa mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan hentikan pengambilan Ritalin tanpa berbincang dengan doktor. Anda mungkin perlu mengurangkan dos harian secara beransur-ansur sebelum menghentikannya sama sekali. Anda perlukan pengawasan perubatan selepas rawatan terganggu.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin
Ritalin boleh menyebabkan pening, mengantuk, penglihatan kabur, khayalan atau kesan sampingan sistem saraf pusat yang lain, yang boleh menjejaskan tumpuan perhatian. Jika anda mengalami gejala-gejala sedemikian, jangan memandu atau menggunakan mesin, atau melakukan aktiviti lain yang memerlukan tindak balas segera.

Menjalani pembedahan

Jika anda akan menjalani pembedahan, beritahu doktor bahawa anda sedang dirawat dengan Ritalin. Anda tidak boleh mengambil Ritalin pada hari anda menjalani pembedahan jika sesuatu jenis anestesia tertentu digunakan. Ini adalah kerana terdapat kemungkinan tekanan darah dan kadar denyutan tiba-tiba meningkat semasa pembedahan.

- Pemantauan semasa rawatan dengan Ritalin

Untuk melihat sama ada Ritalin memberi sebarang kesan yang tidak diingini, doktor akan memeriksa keadaan kesihatan individu dari masa ke masa (seperti tekanan darah, kadar denyutan jantung) dan akan juga memantau tumbesaran kanak-kanak yang mengambil Ritalin. Ujian darah akan dijalankan untuk memantau jumlah sel darah (sel darah putih, sel darah merah dan platelet) jika individu mengambil Ritalin untuk jangka panjang.

Kesan-kesan sampingan

Perkara yang perlu diberi perhatian dengan Ritalin jika anda:

- mengalami ereksi zakar berterusan yang tidak normal dan menyakitkan semasa rawatan dengan Ritalin atau selepas rawatan dihentikan. Ini boleh berlaku dalam mana-mana kumpulan umur dan mungkin memerlukan rawatan perubatan segera. Jika ini

berlaku, beritahu doktor anda dengan serta-merta.

Seperti semua ubat, Ritalin boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mendapatnya. Kesan sampingan ini biasanya ringan hingga sederhana dan kebanyakannya sementara.

Sesetengah kesan sampingan boleh menjadi serius:

Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang serius, hentikan pengambilan ubat dan beritahu doktor anda dengan segera.

Biasa: boleh menjejaskan sehingga 1 dalam setiap 10 orang

- sentapan dan kedutan tidak terkawal (symptom diskinesia).
- denyutan jantung kencang
- jari dan jari kaki rasa kebas, kesemutan dan berubah warna apabila sejuk

Jarang: boleh menjejaskan sehingga 1 dalam setiap 1,000 orang

- sakit dada

Sangat jarang: boleh menjejaskan sehingga 1 dalam setiap 10,000 orang

- sakit tekak dan demam atau rasa seram sejuk (tanda kiraan sel darah putih rendah).
- bengkak bibir atau lidah, atau kesukaran untuk bernafas (tanda tindak balas alahan teruk).
- Khayalan (halusinasi)
- sawan.
- pergerakan anggota badan, muka dan/atau tubuh badan menggeliang-geliut yang tidak terkawal.
- sentakan otot.
- lebam.
- kulit berlepuh atau gatal (tanda exfoliative dermatitis).
- tompok merah pada kulit (tanda erythema multiforme).
- tiba-tiba demam panas, tekanan darah terlalu tinggi dan sawan teruk (Sindrom Malignan Neuroleptik).

Tidak diketahui: kekerapan tidak boleh dianggarkan daripada data yang tersedia

- Penurunan yang luar biasa dalam paras semua jenis sel darah. Ini dikaitkan dengan anemia, penurunan platelet, dan penurunan sel darah putih. Ini boleh menyebabkan keletihan, peningkatan risiko berdarah, dan/atau peningkatan risiko jangkitan. Ini mungkin serius atau mengancam nyawa (pansitopenia).

- fikiran atau percubaan bunuh diri (ideasi atau cubaan membunuh diri (termasuk membunuh diri))
- ereksi yang berpanjangan dan menyebabkan ketidakselesaian zakar (tanda priapism)

Kesan sampingan lain yang mungkin berlaku

Kesan sampingan lain termasuk yang disenaraikan di bawah. Jika kesan sampingan ini menjadi teruk, sila beritahu doktor, ahli farmasi atau pembekal penjagaan kesihatan anda.

Sangat biasa: boleh menjejaskan lebih daripada 1 dalam 10 orang

- sakit tekak dan hidung berair
- kurang selera makan
- gementar
- kesukaran untuk tidur
- loya, mulut kering

Biasa: boleh menjejaskan sehingga 1 dalam setiap 10 orang

- agitasi, kegelisahan, gangguan tidur, keresahan
- sakit kepala, pening, mengantuk
- badan menggeletar luar kawalan
- perubahan dalam tekanan darah, ritma jantung tidak normal, debaran jantung yang kuat
- batuk
- muntah, sakit perut, senak, sakit gigi
- ruam kulit, ruam gatal dan geligata, demam, rambut gugur
- peluh berlebihan
- sakit sendi
- berat badan turun
- rasa gugup
- rasa tertekan (kemurungan)
- rasa agresif (agresif)
- pergeseran gigi yang berlebihan (bruxism)

Tidak biasa: boleh menjejaskan sehingga 1 dalam setiap 100 orang

- Kekejangan otot rahang yang menjadikannya sukar untuk membuka mulut (trismus)

Tidak diketahui: kekerapan tidak boleh dianggarkan daripada data yang tersedia

- Gagap (disphemia), rasa jengkel, perubahan mood, kelakuan, pemikiran atau kemarahan yang tidak normal, terlalu aktif dan tidak dapat dikawal (mania), rasa keliru, keinginan seks yang rendah, kurang minat, melakukan

- perkara berulang kali, tumpuan keterlaluan, ketagihan
- kelemahan otot sementara, kehilangan sensasi kulit atau fungsi badan lain akibat kekurangan bekalan darah ke otak sementara, migrain
- penglihatan berganda, anak mata membesar, masalah penglihatan
- bengkak telinga (bengkak aurikular, simptom tindak balas alahan)
- denyutan jantung berhenti tiba-tiba, serangan jantung
- sakit tekak, sesak nafas
- cirit-birit, sembelit
- kemerahan kulit (eritema), ruam kulit (fixed eruption)
- kesakitan otot, otot menyentak
- kencing pada waktu malam untuk kanak-kanak (enuresis)
- ketidakupayaan untuk mengalami atau mengekalkan ereksi, pembengkakan payudara dalam lelaki
- keletihan
- peningkatan tekanan mata (tekanan intraokular meningkat)

Kesan sampingan tambahan yang pernah dialami disebabkan ubat lain yang mengandungi bahan ubat yang sama dengan Ritalin:-

Tidak diketahui: kekerapan tidak boleh dianggarkan daripada data yang tersedia

- darah dalam air kencing
- kematian tiba-tiba akibat kehilangan fungsi jantung
- bunyi yang tidak normal antara denyutan jantung

Jika mana-mana kesan sampingan di atas berlaku, beritahu doktor anda.

Jika anda mendapati sebarang kesan sampingan lain yang tidak dinyatakan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my (Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI))

Cara penyimpanan dan pelupusan Ritalin

- Penyimpanan

- Jangan guna selepas tarikh luput yang dinyatakan pada kotak.
- Jangan guna jika pek rosak atau menunjukkan tanda telah diusik.

- **Pil Ritalin 10 mg:** Jangan simpan dalam suhu melebihi 30°C. Simpan dalam pembungkusan asal untuk melindungi daripada kelembapan.
- **Kapsul Ritalin LA:** Jangan simpan dalam suhu melebihi 30°C. Tutup botol dengan ketat.
- Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Pil Ritalin 10mg: Tablet pelepasan segera, boleh dibahagikan, putih, bulat, rata, dengan serong tepi. Satu permukaan tertera dengan "CG", 'A/B' dan goresan pada permukaan yang satu lagi. Mungkin mempunyai bintik hitam.

Kapsul Ritalin LA 20 mg: Kapsul diubahsuai-release, kapsul gelatin legap putih yang keras, cetakan "NVR" dalam warna tan pada penutup dan "R20" dalam warna tan pada badan, mengandungi manik putih atau putih pudah yang berbetuk sfera.

Kapsul Ritalin LA 30 mg: Kapsul diubahsuai-release, kapsul gelatin legap kuning yang keras, cetakan "NVR" dalam warna tan pada penutup dan "R30" dalam warna tan pada badan, mengandungi manik putih atau putih pudah yang berbetuk sfera.

- Bahan-bahan kandungan:

Pil Ritalin 10 mg

- Bahan aktif

- Bahan aktif pil Ritalin adalah methylphenidate hydrochloride. Setiap pil mengandungi 10 mg methylphenidate hydrochloride. Pil Ritalin boleh dibahagi.

- Bahan tidak aktif

- Bahan lain adalah calcium phosphate tribasic, laktosa monohydrate, kanji gandum, gelatin, magnesium stearate, dan talc.

Kapsul Ritalin LA 20 mg atau 30 mg

- Bahan aktif

- Bahan aktif kapsul Ritalin LA adalah methylphenidate hydrochloride. Setiap kapsul

mengandungi 20 mg atau 30 mg
methylphenidate hydrochloride.

- Bahan tidak aktif
 - Bahan lain adalah ammonio methacrylate copolymer type B, gelatin, methacrylic acid copolymer type A, macrogol 6000, sugar spheres, talc, titanium dioxide (E171), triethyl citrate, and yellow iron oxide (E172) (kapsul 30 mg sahaja).

- Nombor MAL

Ritalin Tablet 10mg:

MAL19910002ACRZ

Ritalin LA Modified-Release Capsule

20mg: MAL05092201ACRZ

Ritalin LA Modified-Release Capsule

30mg: MAL05092208ACRZ

Pengilang

Ritalin Tablet 10mg:

Siegfried Barbera S.L.,
Ronda de Santa Maria, 158-08210
Barbera Del Valles, Barcelona, Spain.

Ritalin LA Modified-Release Capsule

20mg, 30mg:

Societal CDMO Gainesville,
LLC 1300 Gould Drive,
Gainesville,
GA 30504, USA

Pemegang Pendaftaran Produk

Novartis Corporation (Malaysia) Sdn.
Bhd.
Level 18, Imazium,
No. 8, Jalan SS21/37,
Damansara Uptown,
47400 Petaling Jaya, Selangor

Tarikh kemas kini RiMUP

13 Apr 2026

(Maklumat dikeluarkan: 20 Mar 2026)

Nombor Siri

NPRA (R1/6) 28082024/161